

MINIT MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN MPC BIL. 2/2020

Tarikh : 15 Mei 2020 (Jumaat)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Majlis
Tingkat Dua Blok Inovasi MPC
Pengerusi : YBhg. Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman
Ketua Pengarah, MPC
Kehadiran : Seperti di Lampiran I

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan selamat berpuasa kepada semua ahli yang hadir. Seterusnya Pengerusi mengingatkan tentang kepentingan menjaga kesihatan dalam usaha untuk mengelakkan penularan wabak Covid19 di samping turut menekankan kepada ahli mesyuarat untuk menyesuaikan diri dengan lanskap baru pekerjaan sekarang di mana lebih banyak interaksi dan komunikasi adalah melalui online.

1.2 Pengerusi turut memaklumkan mesyuarat adalah bertujuan untuk mempertimbangkan dan memperakukan pembekal bagi Lantikan Terus Berserta Kos Siling Perunding bagi perkara berikut :

- *Study on Gap Analysis on the Adoption of Chapter 11 of US Bankruptcy Code Related to Corporate Rescue Mechanism in Malaysia*
- *National e-Invoicing Initiative Study*
- *Study on Malaysia's Circular Economy Landscape and To Develop a Strategic Plan for Promoting and Implementing the Circular Economy Programmes in the Manufacturing Sector (Chemical/E&E/M&E) Towards Higher Productivity and Competitiveness*
- *Kajian Kes Behavioral Insights*

Makluman

2.0 KELULUSAN MINIT MESYUARAT BIL. 1/2020

2.1 Minit mesyuarat Bil. 1/2020 bertarikh 12 Mac 2020 telah diluluskan tanpa sebarang pindaan.

Makluman

3.0 MAKLUMBALAS MINIT MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN MPC BIL 1/2020

3.1 Mesyuarat mengambil maklum berhubung Maklumbalas Minit Mesyuarat Bil. 1/2020 bertarikh 12 Mac 2020 tanpa sebarang pindaan.

4.0 MEMPERTIMBANGKAN KERTAS KELULUSAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

4.1 Study on Gap Analysis on the Adoption of Chapter 11 of US Bankruptcy Code Related to Corporate Rescue Mechanism In Malaysia

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan dan memperakukan perantikan firma perunding 1/3. Walaubagaimanapun, ahli mesyuarat memohon supaya ahli pasukan penyelidik yang dilantik mempunyai latar belakang pendidikan dan pengetahuan dalam bidang undang-undang yang berkaitan kerana kajian ini melibatkan analisa perbandingan akta antara 2 buah negara.

Tindakan: Jerry Shahnizal Ab Aziz, PCD

4.2 National e-Invoicing Initiative Study

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan dan memperakukan perantikan firma perunding 1/3 berdasarkan kepakaran khusus dalam bidang kajian dan pengalaman syarikat yang lepas. Ahli Lembaga Perolehan menetapkan firma ini mengemukakan kedudukan kewangan semasa kepada Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) untuk memastikan kajian ini berjalan lancar dan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Tindakan: Nor Izzati Norhisam, DMO

4.4 Study on Malaysia's Circular Economy Landscape and To Develop a Strategic Plan for Promoting and Implementing the Circular Economy Programmes in the Manufacturing Sector (Chemical/E&E/M&E) Towards Higher Productivity and Competitiveness

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan dan memperakukan perlantikan firma perunding 1/3 berdasarkan kepakaran khusus dalam bidang kajian dan pengalaman syarikat yang lepas.

Tindakan: Norain Kamil, PCD

4.5 Kajian Kes Behavioural Insights

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan dan memperakukan perlantikan dua belas (12) perunding individu dari kalangan swasta dan pensyarah universiti awam berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam kajian kes serta telah menghadiri beberapa siri program pembangunan kapasiti Behavioural Insights yang dijalankan oleh MPC.

Tindakan: Nuraizah Harun, DMO

6.0 Hal-hal Lain

Mesyuarat Lembaga Perolehan hari ini juga telah memuktamadkan rundingan harga bagi projek Penilaian Industry 4wd Readiness Assessment (RA) ke atas enam badan penilai sebelum dikemukakan secara rasmi kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod.

Berikut adalah senarai badan penilai dan butiran rundingan harga.

WILAYAH	ZON A		ZON B		ZON C	
	15,000		17,000		20,000	
Harga Asal (RM)	HARGA DIPERSETUJUI	% PENGURANGAN	HARGA DIPERSETUJUI	% PENGURANGAN	HARGA DIPERSETUJUI	% PENGURANGAN
Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute (MARII)	14,250	5	16,150	5	19,000	5
SIRIM Berhad	14,850	1	16,830	1	19,800	1
MIMOS Berhad	14,550	3	16,490	3	19,600	2
Bureau Veritas Certification (M) Sdn Bhd	14,550	3	16,830	1	18,500	7.5
TUV SUD (Malaysia) Sdn Bhd	13,500	10	15,300	10	18,000	10
RESPECT Business and Advanced Technology Solutions Sdn Bhd	14,250	5	15,300	10	18,000	10

7.0 Penutup

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4 petang dan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.

Disediakan oleh:



(NURUL FATIMAH MOHD AZLAN)


Urusetia

Lembaga Perolehan MPC

Tarikh:

18/5/2020

Disemak oleh:



(MOHD AZWAN MOHD SALLEH)


Urusetia

Lembaga Perolehan MPC

Tarikh:

18/5/2020

Disahkan oleh:



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)

Pengerusi

Lembaga Perolehan MPC

Tarikh :

18/5/2020

LAMPIRAN 1

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
BIL. 2/2020**

- | | |
|---|-------------|
| 1. YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman | - Pengerusi |
| 2. YBhg. Dato' Muhamad Noor Yacob | - Ahli |
| 3. YBrs. Encik A. Balasubramaniam | - Ahli |

URUSETIA

- | |
|---|
| 4. Encik Mohd Azwan Mohd Salleh
Timbalan Pengarah Unit Pengurusan Perolehan |
| 5. Puan Nurul Fatimah Mohd Azlan
Penolong Pengurus Unit Pengurusan Perolehan |
| 6. Puan Wan Khairunnisa Azmi
Penolong Pengurus Unit Pengurusan Perolehan |
| 7. Cik Amalina Sapiren
Penolong Pengurus Unit Pengurusan Perolehan |